

KEMENANGAN B

KEMENANGAN Barisan Nasional dalam pilihanraya umum di Semenanjung adalah kemenangan rakyat. Keputusan 32 kerusi Parlimen di Sabah dan Sarawak hari ini (Janin) juga tidak diragukan akan mengikut jejak langkah kemenangan komponen Barisan Nasional di Semenanjung.

Kemenangan 111 kerusi Parlimen, 103 darinya di Semenanjung sudah melebihi dua pertiga majoriti untuk membentuk kerajaan baru.

Dalam tahun 1978, Barisan Nasional memenangi 131 kerusi Parlimen, 94 darinya di Semenanjung.

Faktor utama yang membawa Barisan Nasional ke mercu kejayaan cemerlang adalah rakyat menolak sentimen perkauman yang dilung-lungkan oleh parti pembangkang. Rakyat memahami erti pembangunan dan mereka memilih

sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed dan Datuk Musa Hitam.

Mengeluh

Ini terbukti apabila keputusan di Semenanjung menunjukkan keghairahan DAP terkejut setelah kerusi Parlimen yang dimenangkannya sebanyak 16 dudu tinggal enam sahaja.

Bagi Dewan Undangan Negeri pula, 12 kerusi sahaja yang mampu diprolehnya dari sejumlah 25 dalam tahun 1978.

Oleh
MIOR KAMARUL SHAHID

Paling menarik ialah kubu kuat DAP di Peraling, Mengtombu, Seremban, Tanjung, Kluang, Damansara dan Batu Gajah jatuh ke tangan Barisan Nasional dengan majoriti yang besar hingga menyebabkan pemimpin-pemimpin parti itu mengeluh.

Bagaimanapun, PAS masih dapat mengekalkan 5 kerusi Parlimennya.

Di Dewan Undangan Negeri, PAS memenangi 10 kerusi dari 36 kerusi di Kelantan dan 9 dari 26 kerusi di Trengganu.

Sebanyak 142 kerusi

Parlimen dan 294 kerusi Dewan Undangan Negeri di pertandingan.

Dua belas kerusi Parlimen dan 18 kerusi Dewan Undangan Negeri dimenangi tanpa bertanding.

Dengan keputusan yang dijalankan mengikut landasan demokrasi itu, berakhirilah pertandingan 1,106 calon iaitu 367 untuk Parlimen dan 739 untuk

Dewan Undangan Negeri. Rakyat telah memilih kerajaan yang sanggup memerintah dengan adil dan saksama dalam sebuah negara berbilang kaum.

Memilih

Paling menarik sepanjang pilihanraya ini ialah keputusan dengan kelebihan undi terbesar yang diprolehi oleh calon-

calon Barisan Nasional. Bukan sahaja mereka mampu menumpaskan parti lawan, mereka juga dapat membukitkan rakyat menolak parti pembangkang.

Ketialahan tokoh-tokoh pembangkang — Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohamad Asri Muda di kerusi Parlimen Nilam Puri, Kelantan, Timbalannya, Haji Yusof Rawa di kawasan

Parlimen Kubang Pasu, Kedah, Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin di kerusi Parlimen Seremban dan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Seng di kerusi Dewan Undangan Negeri Bandar Hillir, Melaka memberi lampanan hebat kepada parti-parti pembangkang.

Di samping itu, beberapa tokoh terkemuka pembangkang hanya mampu me-

nanjisi tanpa lagu setelah dikalahkan dengan teruk oleh calon-calon Barisan Nasional.

Harus diingat juga bahawa ia juga adalah satu kejayaan besar dalam menegakkan sistem demokrasi berparlimen yang dijamin di negara ini untuk membolehkan rakyat memilih kerajaan yang mereka suka.

Kesedaran yang wujud membukitkan rakyat mengubah sistem yang kita amalkan sekarang.

Keputusan pilihanraya haruslah dilaksanakan dengan dada terbuka dan rakyat negara ini seharusnya bersyukur kerana berjaya memilih kerajaan yang benar-benar memahami hasrat mereka. Mereka yang berjaya pula seharusnya mendampingi rakyat yang telah memilih mereka kerana ia adalah satu cabaran untuk meneruskan cita-cita memajukan negara ke arah yang lebih bermula.



● KECEMBAIRAN 2M — Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa ketika menerima tahniah kerana kemenangan Barisan Nasional.